

Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat terpaksa menggunakan bot bagi memindahkan mangsa warga emas dan kanak-kanak.



Penduduk membersihkan rumah selepas air mulai surut lewat malam.

Bencana terburuk

Ratusan rumah ditenggelami air selepas hujan

NUR FARHANA ABDUL MANAN

SERDANG – Ratusan rumah sekitar Seri Kembangan, Seri Serdang, Serdang Jaya dan Desa Serdang di sini ditenggelami air manakala puluhan kenderaan terperangkap dan tenggelam apabila hujan kilat melebihi dua jam menyebabkan paras air naik sehingga satu meter, petang kelmarin.

Bencana terburuk sejak 30 tahun penduduk mendiami kawasan berkenaan turut menyebabkan kira-kira 200 murid dan guru dari Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Serdang terpaksa dipindahkan sebahagiannya menggunakan bot pasukan Bomba dan Penyelamat.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Abd Razak Elias berkata, pihaknya menerima laporan banjir kilat bermula jam 5.30 petang apabila paras air naik mendadak di beberapa kawasan termasuk di jalan utama Seri Serdang.

Katanya, kenderaan terperangkap dalam banjir masih belum dapat dipindahkan kerana air bertakung di kawasan itu.

Beliau berkata, tiada sebarang kecederaan dan perkara di luar jangka berlaku namun kesukaran lebih kepada kerja pembersihan di rumah penduduk yang terjejas.

"Kita mendapat maklumat murid yang berada di sekolah semua sudah dipindahkan namun ada kenderaan terperangkap masih tidak dialihkan.

"Polis bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan beberapa agensi lain untuk selesaikan masalah banjir ini," katanya.

Stadium untuk mangsa banjir

TIMBALAN Yang Dipertua MPSJ, Abdullah Marjunid yang turut turun



MARHAMAH



RAYMOND



KHAIRUDIN

ke lokasi kejadian berkata, pihaknya membuka Stadium Serdang Jaya sebagai tempat pemindahan mangsa yang terlibat.

Beliau berkata, ketika kejadian berlaku antara yang terlibat adalah murid sekolah yang terperangkap kerana sekolah ditenggelami air.

Menurutnya, pihaknya mengucapkan terima kasih kepada pihak bomba yang segera memindahkan

murid dan penduduk terlibat.

"Setakat jam 12 tengah malam ini (semalam) masih belum ada mangsa yang dipindahkan.

"Saya dimaklumkan oleh pihak bomba penghuni dari empat rumah yang terjejas teruk mungkin akan dipindahkan.

"Kita sediakan kenderaan untuk memindahkan mereka yang terlibat," katanya.

3,000 penduduk terjejas

"KEJADIAN berlaku terlalu pantas, paras air naik mendadak dengan tiba-tiba menyebabkan saya dan suami gagal menyelamatkan peralatan elektrik dan perabot dalam rumah, kata penduduk, Marhamah Hassan, 62.

Dia antara 3,000 penduduk yang terjejas akibat kejadian banjir kilat yang melanda kawasan Seri Serdang, petang kelmarin.

Marhamah berkata, akibat panik dan tidak mempunyai kudrat mengangkat barang-barang yang berat, dia hanya mampu melihat semua barang ditenggelami air begitu sahaja.

Katanya, sejak mendiami taman perumahan pada 1983, itu kejadian banjir terburuk berlaku menyebabkan limpahan air masuk sehingga ruang tamu dan bilik tidur rumahnya.

"Memang tidak sempat menyelamatkan apa-apa, air naik mendadak sehingga paras pinggang menyebabkan saya dan suami panik.

"Sebahagian pakaian di dalam almari terpaksa dibuang apabila terkena limpahan air yang dipenuhi minyak kerana kawasan perumahan

an terletak di belakang kawasan kedai dan deretan bengkel kenderaan," katanya.

Penduduk, Khairudin Lop, 58, berkata, dia sedikit bernasib baik kerana kejadian berlaku ketika dia berada di rumah dan sempat menyelamatkan barang-barang elektrik ke tempat tinggi.

Namun katanya, mesin basuh dan ketuhar gelombang mikro tidak sempat diselamatkan kerana kelam kabut menyelamatkan peralatan lain.

"Hujan mula dari jam 4 petang dan berterusan sehingga tiga jam selepas itu, saya terkejut melihat air sudah penuh di luar rumah, tidak sampai 10 minit selepas itu air mula melimpah masuk ke dalam rumah.

"Melihat itu berlaku, kelam kabut saya dan isteri yang baru pulang dari tempat kerja membawa peralatan elektrik ke tempat lebih tinggi," katanya.

Perparitan tidak sempurna

SEORANG lagi penduduk, Raymond Goh berkata, dia kerugian ribuan ringgit akibat kejadian banjir kilat yang berlaku di kawasan didiami sejak empat tahun lalu itu.

Katanya, dia terkejut kerana kawasan berkenaan tidak pernah dilanda banjir apatah lagi dengan keadaan sebegitu serius.

"Saya tidak tahu apa punca kejadian banjir ini namun mungkin ia disebabkan masalah perparitan tidak sempurna.

"Saya juga dimaklumkan ada kawasan sekolah yang terjejas, kenderaan penduduk terperangkap dan tenggelam dalam paras air yang tinggi itu," katanya.

Sementara itu, Pusat Khidmat Pakatan Rakyat Dewan Undangan Negeri (Dun) Seri Serdang, semalam mengagihkan makanan kepada kira-kira 100 mangsa yang terjejas teruk di sekitar Seri Serdang dan Serdang Jaya ketika membuat kunjungan ke lokasi bencana lewat malam kelmarin.



Kenderaan terperangkap dan gagal dialihkan apabila air naik mendadak.